

Ⓟ

ABL-3803

KANDUNGAN

P. M

Kalangan

PREFATA..... BURONG AGOT.....

KATA PENGANTAR.....

BAB I. (1) CERITA2 PENULIS2 LAMA

Di-..... Latehan Ilmiah.....

Untuk Memenuhi Keperluan Kursus
Sarjana Muda Sastra

(11)Pencerita dan Cherita.....

BAB II. PENGEMBITA "BURONG AGOT":

(1) Sejarah Hidup.....

(11)Uraian Mempelajari dan

Oleh

HAMZAH BIN ABDUL RASHID

Perpustakaan Universiti Malaya



A515625426

Jabatan Pengajian Melayu

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Ogos, 1965.

[6 JUN 1995

PERPUSTAKAN
JABATAN PENGAJIAN MELAYU

KANDONGAN

Halaman

PRAKATA.....	iv
KATA PENGANTAR.....	v
<u>BAHASA DAN PETA</u>	
BAB I. (A) CHERITA2 PENGLIPOR LARA	
1. Kisah DI-NEGERI SEMBILAN.....	1
2. (B) JELEBU: (i) Bumi Keliling.....	3
(ii)Masharakat.....	6
(iii)Pencherita dan Cherita....	13
BAB II. PENCHERITA "BURONG AGOT":	
1. Peta Daerah Jele (i) Sejarah Hidop.....	33
(ii)Chara Mempelajari dan Menutorkan Cherita.....	35
(iii)Rengkasan Cherita "Burong Aot".....	38
BAB III. CHERITA DAN BAHASA "BURONG AGOT".....	56
BAB IV. TEKNIK PENCHATATAN:	
(i) Fonoloji.....	68
(ii)Mofoloji.....	77
(iii)Sintak.....	80
BAB V. TEKS "BURONG AGOT".....	86
ANNOTASI TEKS.....	191
BIBLIOGRAFI.....	217

GAMBAR2 DAN PETA

Latahan adalah ini telah di-terbitkan di-bawah pengawasan M. Asmah Haji Omar dan Halaman

1. Pencherita Mohamad Diah14
2. Rumah Pencherita Mohamad Diah.....16
3. Pencherita Muhamad Yassin.....27
4. Pencherita Othman.....32
5. Pencherita Muhamad Taih.....85
6. Peta Daerah Jelebu.....5

Beberapa orang pencherita dalam daerah Jelebu, negeri Perak, telah juga menyumbangkan peribahasa-peribahasa orang Melayu ini. Pak Muhamad Taih bin Ali Suman (pencherita "Burong Agot") telah memberi bahan-bahan tentang ceritanya dan juga tentang diri-nya. Pencherita Pak Malik Saad, Pak Ismail, Pak Mohamad Diah dan Pak Suman Jelebu telah pula memberikan rangkaian cerita-pengingat lain yang diketahui mereka dan juga butir-butir yang mereka sendiri. Kepada semua mereka, saya ucapkan terima kasih yang sedalam-dalamnya kerana telah menyumbangkan peribahasa-peribahasa orang Melayu ini yang akan menjadi harta nasional.

PRAKATA

Latehan Ilmiah ini telah di-selenggarakan di-bawah pengawasan Che' Asmah Haji Omar dan Inche' Ismail Hussein dari Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kapada mereka berdua saya ucapkan terima kaseh kerana pertolongan2 dan nasehat2 yang telah mereka berikan kapada saya untok menyiapkan Latehan Ilmiah ini.

Kerjasama Inche' Abdullah Sanusi dari "Public Service Commission" Kuala Lumpur yang telah di-berikan-nya dalam usaha saya ini tidak dapat di-lupakan. Beliau telah sudi memberikan cherita "Burong Agot" yang telah di-rakamkan-ya untok di-jadikan teks ini.

Beberapa orang pencherita dalam daerah Jelebu, Negeri Sembilan, telah juga menyumbangkan pertolongan mereka dalam kerja ini. Pak Muhamad Taih bin Mat Saman (pencherita "Burong Agot") telah memberi bahan2 keterangan tentang cherita-nya dan juga tentang diri-nya. Pencherita2 Pak Talib Samah, Pak Yassin Lipot, Pak Muhamad Diah dan Pak Osman Jeludin telah sudi pula memberikan rengkasan2 cherita2 penglipor lara yang di-ketahui mereka dan juga butir2 tentang diri mereka.

Kapada semua mereka, sama ada nama mereka tersebut atau tidak di-sini, yang telah menyumbangkan pertolongan kapada saya dalam kerja ini saya ucapkan ribuan terima kaseh.

KATA PENGANTAR

Bila kita membuat pengkajian tentang cerita2 penglipor lara, kita sepatot-nya ada cerita2 yang benar2 hidup dan bertugas atau pon pernah hidup dan bertugas dalam masharakat yang melahirkan-nya. Tegas-nya pengkaji mesti-lah berhadapan dengan cerita2 yang dalam segala sifat2-nya - isi dan bentuk - maseh merupakan apa yang telah di-tutorkan oleh pencherita-nya. Ini dapat di-lakukan dengan mendengar pencherita itu sendiri bercherita atau mendengar rakaman cerita itu.

Tidak mungkin dapat kita menuronkan cerita itu dengan mengekalkan segala sifat2-nya dalam bentuk tulisan. Di-antara beberapa chiri cerita itu yang tidak dapat di-kekalkan ia-lah chara pencherita bercherita - lagu-nya, nada suara-nya, mimik muka pencherita dan bunyi rebana atau gong yang mengiringi cerita. Semua ini ada peranan-nya dalam memberi jiwa dan memberi rasa aestatis pada cerita itu.

Sungguh pon kita tidak dapat mengekalkan seratus peratus seni pencherita itu dalam bentuk tulisan, kita maseh dapat memelihara sebahagian besar keaslian bentuk dan isi-nya. Supaya dapat berbuat demikian kita perlu ada "disciplin" pada sikap dan teknik penchatatan kita. Penchatat mesti ada rasa tanggung jawab menuronkan dalam

bentuk tulisan segala butir2 yang di-tutorkan oleh pencherita tanpa membuat ubahan kerana mengikutkan dorongan emosi atau realitet sendiri. Penchatat tidak usah menchari2 sebab untok "memperbaiki" susonan ayat atau gaya bahasa dan perkataan2 yang di-tutorkan oleh pencherita. Kalau di-lakukan pengurangan dan penambahan itu bererti cherita yang di-tuliskan itu tidak lagi dapat di-terima sebagai seni pencherita-nya. Kerja "memperbaiki" susonan cherita, gaya bahasa dan perkataan ini pernah di-lakukan oleh penchatat2 Inggeris saperti Winstedt dan Hale(1) dan juga oleh penchatat2 Dewan Bahasa dan Pustaka(2).

Cherita2 penglipor lara Melayu yang sudah terkumpul dan di-terbitkan sudah banyak. Tetapi boleh di-katakan semua cherita2 itu tidak dapat lagi di-katakan mewakili seni penutor-nya. Pada cherita itu sudah banyak di-buat ubahan dan tokok tambah oleh penchatat-nya kerana mengikutkan norma2 realitet atau kerana mahu memberi

(1) Dalam Notes "Hikayat Awang Sulong Merah Muda" Winstedt berkata: ".....took it down berbetim and had it put into literary Malay and any passages omitted by Pawang Ana but following into line with his story and contained in the Hale version added." (Hale Version was from N.S.)

(2) Dalam Pendahuluan "Raja Gagak" Zaharah Taha berkata: "Memang saya akui ada beberapa penambahan dan pengurangan yang di-buat keatas cherita tutoran yang asal...Dan semua-nya ini di-buat ia-lah untok menyesuaikan cherita supaya memuaskan untok bacaan yang dapat menarek hati pembacha2.

kemudahan pada umum membaca dan memahamkan cerita2 itu. Pendek-nya sebahagian besar keaslian cerita sudah di-bosakkan oleh penchatat-nya. Sungguh pon begitu keadaan-nya cerita2 ini juga di-gunakan sebagai bahan2 untuk mengkaji kesusasteraan rakyat sechara ilmiah.

Kebanyakan orang menganggap cerita2 penglipor lara ini ada-lah penuh dengan unsur2 dongeng semata2 dan tidak bernilai selain daripada untuk di-baca pada ketika2 lapang untuk berangan2 ke-alam khayal. Tetapi pelajar kesusasteraan sudah ^{sedar} bahwa tidak-lah saksama menganggap cerita2 ini sebagai dongeng semata2. Kerana cerita2 itu merupakan seni warisan dari zaman silam maka perlu-lah ia di-kaji sebagai hasil kesusasteraan. Pendek-nya cerita2 ini "ada-lah penglahiran daya sastera manusia yang asasi dan pancharan fikiran yang asasi juga, tetapi tetap bernilai kepada manusia umum-nya"(3).

Kerana ini pengkaji cerita2 penglipor lara Melayu sudah mula melapah2 isi cerita2 yang sudah terkumpul. Perhatian mereka tertumpu pada thema cerita, gambaran dramatik personea, bahasa berirama dan menchari2

(3) Taib Osman: "Kesusasteraan Melayu Lama", (cheramah radio) dan di-terbitkan oleh Lembaga Penerbitan Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya. Ms.31.



"Kegagahan, kesaktian dan kechantekan orang2 dalam cherita itu sangat menarek hati saya."

MOHAMAD DIAH BIN MAT SAMAN.

Pencherita ini sekurang-nya dapat mengi-
 satkan dua buah cerita di-anlala-beberapa buah cerita
 yang pernah di-ketahui pada masa dahulu. Cerita2 itu
 ialah "Burong Agot" dan "Awang Bangsu Pinang Peribet".
 Cerita "Burong Agot" itu ada-lah sama dengan cerita
 yang di-tuturkan oleh beberapa muhamad Taib-Usman



... Pulau itu di-hari para Bendahar Kuala, ...
 ... Bendahar Tengah.

Raja Rumah pencherita Mohamad Diah
 beberapa lama-nya di-situ di-Kampung Poom, ...
 yang tua bernama Negat Alor Kenaboi. ...
 Tengah, dan yang bungsu bernama ...
 lama kemudian Raja Sulaiman dan permaisurinya mati.

Negat Alor menjadi raja di-negeri itu. Dia di



"Kalau di-suruh saya menuliskan
 cerita2 itu saya sanggup, tetapi
 kalau di-suruh menutorkan tak
 dapat-lah saya - MUHAMAD YASSIN.



"Saya sudah terlalu tua, tidak
ingat lagi pada cherita2 saya."

OTHMAN BIN JELUDIN.

MUMUK AGOT



"Bercherita untok meriang2kan hati

sahaja." - MUHAMAD TAIH BIN MAT SAMAN

PENUTOR "BURONG AGOT".